

Lawatan PM buka peluang pertingkat dagangan

SH 16 MAR 2002

LAWATAN rasmi tiga hari Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Russia membuka jalan yang begitu luas untuk masyarakat perdagangan Malaysia meneroka pasaran negara itu secara terus, sekali gus membantu memperbaikiimbangan perdagangan dua hala antara kedua-dua negara yang ketika ini memihak kepada Russia. Soal meningkatkan perdagangan dua hala menjadi tumpuan perbincangan antara Dr Mahathir dengan Presiden Russia, Vladimir Putin kerana ketika ini perdagangan kedua-dua negara hanya AS\$300 juta (RM1.14 billion) setahun, jumlah yang begitu kecil berbanding keluasan negara itu yang menawarkan potensi besar pasaran untuk produk dari Malaysia. Jika selama ini masyarakat perdagangan Malaysia menghadapi pelbagai masalah dan kerenah pengimport dari negara ketiga untuk memasuki pasaran Russia, kesediaan Putin untuk mengadakan hubungan perdagangan langsung dengan Malaysia perlu direbut kerana peluang sudah ada di depan mata.

Inilah masa paling baik bagi pihak swasta dari kedua-dua negara meningkatkan hubungan dan perdagangan untuk pelbagai produk keluaran masing-masing kerana kedua-dua kerajaan sudah memberi jaminan untuk membantu menjayakannya. Usaha ini perlu dimulakan dewan perniagaan kedua-dua negara untuk menggalakkan pengeksport dan pengimport mengenal pasti barangan yang boleh didagangkan antara mereka, sama ada melalui pemarkaran terus atau mewujudkan pakatan strategik perniagaan bagi faedah bersama. Jika berjaya dilakukan, perdagangan dua hala kedua-dua negara bukan saja dapat ditingkatkan, malah masyarakat perdagangan dari Malaysia juga berpeluang meneroka lebih jauh pasaran rantau itu, merentasi Asia Tengah dan Asia Timur, termasuk mengambil kesempatan perdagangan melalui jalan kereta api ke Tanah Besar China.

Pertemuan Dr Mahathir dan Putin juga membuka ruang untuk mempelopori bidang baru supaya kerjasama kedua-dua negara lebih luas dan pelbagai terutama dalam industri ruang angkasa dan penerbangan di mana Russia jauh lebih maju daripada Malaysia. Di sinilah pentingnya perkongsian pintar kerana masing-masing boleh menawarkan kepakaran mengikut kemampuan masing-masing dari bidang ketenteraan dan pertahanan sehinggalah penyelidikan dan industri berteknologi tinggi. Malaysia, umpamanya berpengalaman dalam ekonomi pasaran selain kewujudan prasarana sektor industri dan perdagangan, manakala Russia berkepakaran dalam bidang sains dan teknologi.

Selaras dengan matlamat kerajaan menjadikan Malaysia unggul dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) di persada antarabangsa, minat yang ditunjukkan oleh Putin untuk menimbang Malaysia sebagai tapak pelancar bergerak satelit kerana kedudukannya berdekatan Khatulistiwa seharusnya diberikan perhatian kerana bukan mudah untuk mendapat peluang sedemikian.

Dalam soal menangani keganasan antarabangsa, kita gembira dengan pendirian Russia, antara sekutu kuat Barat yang sependapat dengan negara ini bahawa perlu ada definisi sebenar mengenai keganasan. Malah, Russia turut mengakui keganasan antarabangsa boleh dibendung jika punca keganasan itu diberi perhatian. Oleh itu, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) perlu mengambil isyarat ini dan memulakan segera inisiatif mencari punca timbulnya keganasan dan bukannya bersekongkol dengan negara Barat, khususnya Amerika Syarikat yang suka mengambil tindakan unilateral dalam menangani soal ini.

Kita percaya, Russia boleh mendesak PBB mengambil langkah segera mengatasi kekeliruan tafsiran mengenai keganasan yang timbul ketika ini, khususnya mengaitkan agama Islam dan Arab. Kita juga menyambut baik pendirian Russia berhubung resolusi Majlis Keselamatan PBB bahawa perlu diwujudkan satu negara Palestin bagi mengatasi ketegangan di Asia Barat.